



## 166. Pihak Berkuasa Pusat Bagi Perolehan Kerajaan

### Kuasa Khusus Perbendaharaan

- 166.2 (i) Menentukan kriteria **dan** syarat-syarat pendaftaran **serta** mendaftarkan individu, firma, syarikat, pertubuhan **dan perunding** bagi membolehkan mereka mengurus niaga dengan Kerajaan;
- 166.2 (ix) **Membuat pemantauan dan/atau** mengambil tindakan **tatatertib** ke atas individu, firma, syarikat, pertubuhan dan perunding **yang didapati bersalah kerana melanggar syarat pendaftaran, syarat tender/kontrak atau perjanjian dengan Kerajaan ataupun telah melakukan jenayah/mengalami tanggungan sivil.**
- 166.2 (x) **Membuat lawatan/naziran dan menjalankan pengauditan ke atas dokumen dan premis berkaitan bagi individu, firma, syarikat, pertubuhan dan perunding untuk tujuan pendaftaran, tindakan tatatertib atau pemantauan ke atas individu, firma, syarikat, pertubuhan dan perunding seperti dinyatakan di AP 166.2 (i) dan AP 166.2 (ix).**